



جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا
ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

SEMINAR KEBATINAN SERANTAU

**AL-BATHINIYAH DAN PENGARUHNYA
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

oleh:

**Yang Di Muliakan Pehin Orang Kaya
Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri
Raja Setia Ustaz Haji Awang Suhaili
Bin Haji Mohiddin
(BRUNEI)**

Anjuran :

**Kolej Universiti Islam Malaysia
(KUIM)**

Dengan Kerjasama:

**Yayasan Taqwa Wilayah
Persekutuan Bhd.**

Pada:

15-16 September 2000





AL-BATHINIYAH DAN PENGARUHNYA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد
وعلى آله وصحبه ومن تبعه بإحسان الى يوم الدين ، أما بعد

Mukaddimah:

Imam Al-Ghazali dalam kitabnya فضائح الباطنية telah meletakkan golongan al-Batiniyah sebagai golongan anti-Islam. ‘Akidah dan amalan mereka menyalahi Islam sama sekali. Nampak pada lahirnya mereka Islam tetapi sebenarnya kufur semata-mata. Bagi mereka, semua pengetahuan boleh di dapati daripada ‘imam maksum’. Akal sekali-kali tidak dapat mencapai kebenaran. Imam (guru) itulah sahaja yang dapat mendampingi Tuhan untuk menyelami rahsia-rahsia syara’. Imam inilah yang menunjukkan kebenaran dan menyelesaikan segala kemusykilan. Pada tiap-tiap zaman mesti ada imam maksum yang menjadi tempat tumpuan dalam perkara agama. (Hal: 37. Lihat juga *Ajaran Sesat: AbdulFatah Haron Ibrahim hal 46-47*).

Contoh-contoh kes seperti al-Bathiniyah yang ada di Brunei Darussalam dalam kertas ini hanyalah ibarat “orang datang dan pergi” dalam makna bahawa setiap kes yang dapat dikesan akan segera dibawa ke pengadilan atau jika seseorang itu datang melawat Brunei dengan pas lawatan akan dikeluarkan serta merta dan disenaraikan hitam untuk selama-lamanya atau jika dia sebagai pegawai luar yang berkontrek dengan kerajaan akan dipendekkan kontreknya sehingga dengan tindakan itu tidak memberi ruang kepada mana-mana ajaran sesat dan yang menyeleweng itu untuk mempengaruhi dan bertapak dalam



masyarakat. Ini semuanya berkat usaha semua pihak yang perihatin terhadap persoalan akidah, khasnya tindakan yang cepat daripada pihak-pihak berkuasa agama membanteras ajaran atau amalan yang menyesatkan itu.

Perkara-perkara luar biasa yang ditunjukkan oleh pengasas suatu ajaran sesat itu sangat menarik dan memikat hati orang yang dangkal pengetahuan agamanya hingga terdorong untuk mengikuti kumpulan itu. Lebih-lebih lagi setelah 'berwirid' atau 'berzikir' seperti yang diajarkan dan telah menunjukkan pula hasil dan keberkesanannya. Padahal itulah '*Istidraj*'.

Al-Bathiniyah dan segala ajaran sesat lainnya seperti Ingkar Sunnah atau Anti Hadis sangat berbahaya kepada ummah. Oleh kerana itu ia wajib ditangani secara menyeluruh dan sungguh-sungguh. Mudah-mudahan Seminar Kebatinan Serantau akan dapat mencari jalan bagaimana mengatasinya secara yang terbaik, lebih-lebih lagi dengan sebab perkongsian maklumat dan pengalaman di kalangan negara-negara pembentang-pembentang kertas dan peserta-peserta seminar.

Pengertian al-Bathiniyah

Perkataan al-Bathiniyah adalah daripada bahasa Arab yang berasal dari kata dasar bathin, kemudian perkataan bathin ini telah menjadi salah satu perbendaharaan kata-kata bahasa Melayu.

Mengikut kamus-kamus Arab-Melayu atau Melayu Arab, perkataan batin di dalam bahasa Melayu antara lain diertikan sebagai "yang samar", "yang tersembunyi", "yang sulit", "bahagian dalam" dan lawannya ialah "yang zahir". (*Kamus Al-Munawwir, hal.2-3 dan Kamus al-Marbawi, 1:56*).



Di dalam bahasa Melayu, perkataan batin ada juga dipakai sebagai panggilan kepada sesetengah ketua suku puak asli dengan menambah perkataan “Tok” dan menjadikan ianya “Tok Batin”. Mengikut lagenda puak-puak berkenaan, panggilan “Tok Batin” adalah berdasarkan beberapa kelebihan yang ada pada orang berkenaan berbanding dengan orang-orang lain di kalangan puaknya, seperti pandai mengubati, pandai memanggil jin, mampu mencari pencuri dan sebagainya.

Kesemua kelebihan berkenaan adalah bersumberkan dalaman, yakni menerusi ilmu tertentu, menerusi jampi atau acara-acara tertentu, seperti memuja sesuatu makhluk.

Selain perkataan “Tok Batin”, di dalam sesetengah masyarakat di Asia Tenggara ada juga yang memakai perkataan batin sebagai satu fahaman yang dinamakan “Aliran Kebatinan” yang sama taraf dan kedudukannya dengan agama atau fahaman lain di dalam senarai fahaman agama yang sah negara mereka.

Aliran Kebatinan ini bermacam-macam jenis, tetapi fahaman ini pada dasarnya adalah berpokok pangkal pada mistik, teosofi, praktik ilmu ghaib dan perdukunan, di samping menurut dakwaan mereka aliran mereka ialah untuk tujuan pemurnian jiwa. (*Ensiklopedi Nasional Indonesia*, 1:285 dan 8:258)

Dengan melihat kepada perkataan “Tok Batin” dan “Aliran Kebatinan” itu, maka perkataan batin dalam bahasa Melayu ialah sesuatu yang berada di dalam atau tersembunyi, bukan di luar, ia tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan kesemuanya lebih bercorak amalan rohani.

Seperti yang disebutkan di atas bahawa al-Bathiniyah berasal daripada perkataan bahasa Arab “Bathin”. Jika di pangkalnya ditambah ‘*alif lam*’ yang menjadikannya “al-Bathin” (الباطن =

Yang Maha Tersembunyi), maka ia adalah salah satu nama Allah *Ta'ala*, dan di antara maknanya ialah sebagaimana yang terdapat di dalam salah satu doa Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang berbunyi:

اللهم أنت الظاهر فليس فوقك شيء وأنت الباطن فليس دونك شيء

Maksudnya: “Wahai Allah, Engkaulah Yang Maha Zhahir, tidak ada sesuatu di atasMu, dan Engkaulah Yang Maha Bathin (tersembunyi), tidak ada sesuatu di bawahMu”

Ada juga yang berpendapat maknanya ialah: “Sesungguhnya Allah *Ta'ala* mengetahui segala rahsia dan yang tersembunyi sebagaimana Dia mengetahui setiap apa yang zahir pada makhluk.” (*Lisan al-'Arab: 1:434*)

Dengan yang demikian, sesuatu yang dibangsakan kepada yang di dalam atau tersembunyi, dikatakanlah “kebatinan” dalam bahasa Melayu dan di dalam bahasa Arab dikatakan “al-Bathiniyah”.

Daripada perkataan al-Bathiniyah inilah diambil sempena nama satu puak yang dikatakan lebih mengutamakan yang tersembunyi berbanding yang zahir dengan cara meninggalkan zahir sesuatu jika telah mengetahui yang batinnya.

Siapa Puak al-Bathiniyah?

Mengikut ulama Islam, puak al-Bathiniyah ialah orang-orang yang memakai dan berpendapat bahawa bagi setiap yang zahir itu ada batinnya dan setiap ayat yang turun itu ada *ta'wilnya*. Ertinya ilmu itu mempunyai yang zahir dan yang batin. Yang zahirnya itu lebih mudah difahami dari sudut bahasa iaitu apa-apa yang berkaitan dengan hal ehwal kehidupan, seperti soal moral dan politik. Manakala yang batinnya pula ialah permasalahannya

yang amat halus dan susah difahami dari sudut maknanya oleh orang awam. Jadi ilmu yang zahir ialah ilmu orang awam dan yang batin pula ilmu orang yang tertentu saja. (*Asy-Syahrastani, al-Milal wa an-Nihal, 1:192, Da'irat al-Ma'arif al-Islamiyah, 3:290 dan 'Abdul Mun'im al-Hifni, al-Mu'jam al-Falsafi, hal.43*)

Nama puak al-Bathiniyah telah dipakai oleh ulama Arab kepada pelbagai golongan yang pada umumnya mempunyai peranan penting dalam soal politik dan mereka itu dikaitkan pula dengan orang-orang Islam, seperti golongan al-Kharamiyah, al-Qaramithah dan Syiah Ismailiyah. Di samping itu mereka memakaikannya juga kepada puak-puak orang-orang yang bukan Islam yang sama fahamannya, seperti puak al-Mazdakiyah yang diasaskan oleh orang yang bernama Mazdak pada zaman pemerintahan Raja Qubad bin Fairuz, Raja Negeri Sasan. (*Da'irat al-Ma'arif al-Islamiyah, 3:290*).

Selain itu yang dikatakan al-Bathiniyah termasuklah juga golongan as-Saba'iyah, al-Babikiyah, al-Muhammirah, al-Mukhalifin dan al-Bathiniyah sendiri.

Faktor-faktor penamaan puak-puak tersebut dengan nama-nama tertentu seperti: al-Kharamiyah adalah kerana mereka menghalalkan yang diharamkan; al-Qaramithah kerana pengasasnya bernama Hamdan Qarmith; al-Isma'iliyah kerana mereka membangsakan diri kepada Muhammad bin Ismail; as-Saba'iyah kerana mereka beranggapan juru penyampai syariat ada tujuh; al-Babikiyah kerana mereka menjadi pengikut Babik al-Jurmi di Azerbaijan; al-Muhammirah kerana mereka menamakan orang-orang Islam yang menentang mereka dengan nama *hamir* (keldai); al-Bathiniyah kerana mereka berkata bahawa al-Qur'an itu mempunyai batin dan zahir. (*At-Tahanawi, Kasysyaf Istihlabat al-Funun, 2:670*).

Pada sesetengah negeri nama golongan al-Bathiniyah ini tidak sama, seperti di Iraq mereka dikenali dengan nama al-Qaramithah dan al-Mazdakiyah dan di Khurasan dengan nama at-Ta'alimiyyah dan al-Mulhidah. (*Wajdi, Da'irat al-Qarn al-'Isyrin, 2:242*).

Sejarah Kemunculan al-Bathiniyah

Disebutkan oleh ahli sejarah bahawa dakwah fahaman al-Bathiniyah mula muncul pada zaman al-Ma'mun (198H), kemudian mula tersebar pada zaman al-Mu'tashim (218H), dan di antara orang besar yang terpengaruh dengannya termasuklah ketua tentera al-Mu'tashim. (*Al-'Aqa'id al-Bathiniyah, hal.67*).

Mengikut sesetengah ulama, dakwah al-Bathiniyah diasaskan oleh sekumpulan orang, termasuklah orang yang bernama Maimun bin Daishan yang lebih dikenali dengan panggilan al-Qaddah, dan yang bernama Muhammad bin al-Husain yang digelar Dindan.

Orang-orang ini merancang dakwah mereka semasa mereka masih di dalam penjara Gabnor Iraq dan apabila mereka dibebaskan, maka mulalah mereka menyebarkannya dari kawasan yang dikenali sebagai Dindan. Dakwah ini telah disahut oleh orang-orang bangsa Kurdi pergunungan.

Setelah Maimun bin Dishan berpindah ke arah Barat, dakwahnya disahut pula oleh puak ar-Rafidah, al-Hululiyah dan orang-orang awam yang dangkal ilmunya.

Dalam pada itu muncul pulalah pendakwah al-Bathiniyah terkenal yang bernama Hamdan Qirmith dan dia disebut oleh sesetengah ahli sejarah sebagai salah seorang pengasas utama golongan al-Bathiniyah. (*Al-Farq bain al-Firaq, hal.282*).

Al-Maqrizi ketika mencatatkan tentang puak-puak ini antara lain berkata:

“Puak Qaramithah dikaitkan dengan Hamdan al-‘Ats‘ats yang terkenal dengan panggilan Qaramith. Kemunculannya bermula pada tahun 204H di kawasan Kufah. Fahaman puak ini kemudian terkenal di negeri Iraq, Syam dan Bahrain. Ramai orang yang terpengaruh dengan puak ini dan fahamannya, yang mereka namakan dengan nama Ilmu Kebatinan.

Yang mereka maksudkan dengan Ilmu Kebatinan ialah menta’wilkan syariat Islam serta memalingkannya daripada maknanya yang zahir kepada perkara-perkara yang mereka sangkakan betul mengikut pendapat mereka. Selain itu termasuklah juga menta’wilkan ayat-ayat al-Qur’an dengan ta’wilan yang amat jauh daripada makna yang sebenar. Selain itu, mereka juga mencipta pelbagai bid‘ah, lalu mereka sesat dan menyesatkan ramai orang lain.” (Al-Khitat al-Maqriziyah, 2:357).

Akidah Dan Ta’wilan al-Bathiniyah

Persoalan yang paling utama dibentangkan menerusi kertas kerja ini ialah tentang akidah atau fahaman al-Bathiniyah yang berasas kepada ta’wilan-ta’wilan sumbang mereka, kerana menerusinya kita lebih mudah mengenali mana mana pihak yang ada pada masa ini yang sama fahamannya dengan mereka, sama ada kerana terpengaruh ataupun memang kerana kebetulan fahamannya sejalan dengan akidah al-Bathiniyah.

Oleh kerana akidah dan ta’wilan-ta’wilan al-Bathiniyah banyak dan memerlukan masa yang panjang untuk menghuraikannya, penulis akan hanya menyentuh secara ringkas mengenainya. Di antaranya ialah:

- (1). Setiap yang zahir itu ada batinnya. Jadi yang zahir dianggap sebagai kulit dan yang batin sebagai isi dan isi inilah sebenarnya yang perlu dicari. Apabila isi ini telah diketahui, maka yang zahir tidak perlu lagi. Seperti zahir al-Qur'an menyuruh sembahyang dan jika rahsia atau batin sembahyang telah diketahui, maka amalan sembahyang dengan cara berdiri, membaca Fatihah, ruku', sujud dan sebagainya, tidak perlu lagi, ia cukup dilakukan di dalam hati.

Salah seorang daripada golongan ini berkata:

“Sesiapa yang telah mengetahui rupa yang batin, maka dia telah mengetahui hukum Qur'an, dan diangkatlah daripadanya hisab, serta gugurlah daripadanya hukum taklif dan semua sebab.” (Al-'Aqa'id al-Bathiniyah, hal.16)

Mereka juga berkata:

“Sesiapa yang telah mengetahui yang batin, maka telah gugurlah daripadanya amalan zahir.... dan belunggu serta ikatan hanya berlaku kepada orang yang masih cetek ilmunya. Adapun orang yang telah sampai darjatnya, maka dia telah bebas daripada perhambaan dan terangkatlah daripadanya belunggu dan ikatan serta perlakuan amalan zahir.” (Al-'Aqa'id al-Bathiniyah, hal.16)

- (2). Tuhan bersatu dengan jasad manusia (*al-hulûl*) dan roh Allah *Ta'ala* membatu dengan jasad Nabi-Nabi dan wali-wali.
- (3). Ali adalah tuhan dan akan muncul pada satu masa dan pada masa ini dia berada di awan.

- (4). Al-Baqir adalah pemegang risalah, kenabian dan *imâmah*.
- (5). Akan muncul lima rasul.
- (6). Bahawa Adam *'alaihissalam* itu tujuh, Adam umum, Adam bahagian, Adam pertama, Adam rohani, Adam jasmani, dan Adam tertutup (tersembunyi).
- (7). Bahawa para nabi *'alihimussalatu wassalam* suka menjadi ketua.
- (8). Ilmu khas hanya ada pada ketua, seperti ilmu mengenai; mengapa manusia mempunyai dua telinga satu lidah, mengapa lelaki mempunyai satu zakar dan dua buah pelir dan sebagainya.
- (9). Menafikan segala sifat Allah *Ta'ala*, seperti Allah *Ta'ala* boleh disebutkan dalam keadaan hidup, tetapi tidak berkuasa, tidak mengetahui, tidak berakal, tidak sempurna, dan tidak membuat, kerana jika sifat ini dipakaikan kepada Allah *Ta'ala* maka kita boleh jatuh kepada menyerupakanNya dengan makhluk. Tidak juga dikatakan bagi Allah *Ta'ala* ada zat, kerana setiap zat mengandungi pelbagai sifat.
- (10). Yang menjadikan bukan Allah *Ta'ala* pentadbir seluruh alam, tetapi yang menjadikan menurut akidah mereka ialah akal umum dan jiwa umum. Jika disebut Allah *Ta'ala* di sisi mereka, maka yang mereka maksudkan ialah akal umum. (*Dr. Sabir Tha'imah, al-'Aqa'id al-Bathiniyah, hal.16-49-49-50-51-52-59-76-87-94 dan 98*)
- (11). Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* bertaraf Nabi dan 'Ali bertaraf tuhan. Dengan itu Nabi *Shallallahu*

'alaihi wasallam hanya menghukum berdasarkan yang zahir, lalu dia tidak memerangi orang-orang munafiq, sedangkan 'Ali menghukum berdasarkan yang batin, lalu dia memerangi orang-orang yang munafiq.

- (12). Junub ialah segeranya tersingkap rahsia kepada orang yang menyahut seruan sebelum dia sampai kepada pangkat yang sebenarnya, yakni rahsia sampai tanpa disengaja kepada orang yang belum layak mengetahuinya.
- (13). Mandi junub ialah membaharui perjanjian.
- (14). Zina ialah menjatuhkan ilmu *nutfah* ilmu batin ke dalam jiwa orang yang belum pernah mengikat perjanjian.
- (15). Ka'bah serta Safa ialah Nabi dan *Bâb* serta Marwah ialah 'Ali, manakala *talbiah* ialah menyahut seruan.
- (16). Tujuh kali keliling (tawaf) di Ka'bah ialah gambaran imam yang tujuh.
- (17). Sembahyang fardhu yang lima adalah simbol kepada dasar-dasar yang empat dan kepada imam dan juga gambaran Rasul.
- (18). Fajar adalah simbol bagi yang terdahulu. Zuhur simbol bagi orang berikutnya. 'Ashar simbol asas. Maghrib simbol orang yang bercakap dan 'Isya simbol bagi imam.
- (19). Wudhu' adalah gambaran mematuhi ketua.
- (20). Tayammum adalah gambaran menerima ilmu dari wakil ketua ketika ketiadaan ketua. (*Abdul Rahman Hasan Jingkah al-Midani, al-'Akidah al-Islamiah wa-Ususuh, 602-603 dan At-Tahanawi, Kasysyaf Istilahat al-Funun, 2:669-670, Abu Zahrah, al-Mazahib al-Islamiah, 89-93*)

Matlamat al-Bathiniyah

Adanya golongan al-Bathiniyah menerusi pelbagai nama dan julukan, para ulama Ahli Sunnah telah menetapkan bahawa mereka sebenarnya mempunyai kepentingan politik dengan tujuan utama menghalang serta menghapuskan syariat Islam.

Dr. Sabir Tah'imah berkata:

“Matlamat sebenar pergerakan puak al-Bathiniyah ialah untuk menghalang syariat Islam dan menghapuskan perlaksanaannya yang sebenar.” (Al-‘Aqa’id al-Bathiniyah, hal.19)

Pengarang kitab al-‘Akidah al-Islamiyah itu pula berkata:

“Tujuan mereka menanamkan fahaman bahawa al-Qur’an dan sunnah Nabi mengandungi zahir dan batin itu ialah untuk menghapuskan orang-orang Islam daripada semua akidah mereka, dan daripada asas-asas agama mereka, kerana jika betul bahawa bagi setiap yang zahir itu ada batinnya dan yang batin ini pula merupakan inti sebenar, maka seseorang yang telah mengetahui yang batin ini tidak lagi memerlukan yang zahirnya.” (Hal.602)

At-Tahanawi pula berkata:

“Dasar dakwah mereka ialah untuk membatalkan syariat, kerana golongan al-Ghibariyah - iaitu satu golongan Majusi - telah membuat pelbagai ta’wilan berdasarkan bentuk yang sama dengan kaedah datuk nenek mereka agar yang demikian membawa pertelingkahan di dalam Islam.” (Kasysyaf Istilahat al-Funun, 2:669)

Walaupun ada yang berpendapat matlamat puak al-Bathiniyah itu bermacam-macam, namun kebanyakan ulama berpendapat bahawa matlamat sebenar mereka ialah memasukkan para ahlinya kepada ajaran Majusi menerusi *ta'wilan-ta'wilan* yang mereka buat. Pendapat ini beralasan bahawa pengasas utamanya ialah seorang Majusi yang bernama Maimun bin Dishan dan anaknya yang bernama Abdullah bin Maimun juga mengajak orang ramai mengikuti fahaman bapanya. (*Al-Farq bain al-Firaq*, hal.293)

Pengarang al-'Akidah al-Islamiyah berkata lagi:

“Para pengasas puak al-Bathiniyah itu - mereka itu ialah di antara kalangan musuh kebenaran dan keutamaan, musuh Islam - dengan cara menerusi kebencian dan tipu helah yang jitu, telah membuat pakatan dan rancangan syaitaniyah untuk menikam Islam sedalam-dalamnya, dan mereka juga telah membuat dakwah mereka berasaskan kekufuran dan kezindikan kemudian mereka berpecah kepada pelbagai puak ...” (dengan pindaan, hal.602)

Untuk mencapai matlamat jahat mereka ini, mereka telah bergerak dengan begitu rahsia dan halus, bahkan mereka telah membuat perancangan dakwah yang disebutkan di bawah ini.

Sembilan Ciri-Ciri Dakwah Al-Bathiniyah

Bagi mencapai matlamat puak al-Bathiniyah itu, mereka telah sepakat untuk memakai sembilan metode dakwah. Di dalam kitab al-'Akidah al-Islamiyah, Abdul Rahman Hasan berkata:

“Puak al-Bathiniyah telah sepakat memakai sembilan helah di dalam menyebarkan kesesatan mereka dan bagi mencari pengikut. Mereka melakukan helah ini secara beransur-ansur sesuai dengan kehendak keadaan menurut anggapan mereka dalam

melaksanakan usaha jahat mereka menikam Islam dan menggoyahkan akidah Islam di dalam hati orang-orang Islam dan dalam menarik lebih ramai orang memasuki puak mereka yang menyeleweng yang menghalalkan segala yang diharamkan itu...” (bal.603).

Sembilan metode yang berbentuk helah berkenaan secara ringkas ialah:

- (1). *At-Tafarrus*, ertinya sentiasa mengintai keadaan orang yang akan mereka perangkap setakat mana perubahannya kepada kejahatan, sehinggalah apabila mengikut anggapan mereka orang berkenaan mula menunjukkan tanda-tanda mahu menyahut seruan, maka orang berkenaan pun mulalah didekati secara serius. Juru dakwah mereka ini pula hendaklah orang yang pintar dan cergas.

Jadi metode ini ialah bagi mengetahui sama ada seseorang itu boleh menerima fahaman mereka atau tidak, dan justeru itu mereka tidak membenarkan mengajak orang yang enggan menerimanya dan tidak membenarkan dakwah mereka disampaikan di dalam rumah yang ada padanya ulama fiqh atau ulama tauhid.

- (2). *At-Ta'nis*, iaitu usaha memujuk dengan lemah lembut, termasuklah dengan memuji-muji kecenderungan orang yang diseru.
- (3). *At-Tasykik*, iaitu usaha menimbulkan perasaan ragu terhadap fahaman yang sedia ada, seperti dengan mengemukakan pelbagai pertanyaan tertentu kepada orang-orang awam, khasnya yang berkaitan dengan asas-asas syara'.

- (4). *At-Ta'liq*, yaitu menggantung jawapan, di mana sekiranya orang yang ditanya tidak dapat menjawab, mereka akan menanggukkan memberi jawapan agar orang yang ditanya tetap dalam keraguan dan ingin berhubungan dengan mereka.
- (5). *Ar-Rabth* (membuat ikatan), yaitu mengadakan ikatan atau perjanjian dengan orang yang diseru dengan pelbagai sumpah berat, seperti menceraikan isteri, bernazar, membuang semua harta dan jangan sekali-kali membuka rahsia kepada orang lain.
- (6). *At-Tadlis*, yaitu menuangkan ilmu al-Bathiniyah kepada orang yang diseru secara beransur-ansur, tidak sekaligus, agar orang itu tidak terkejut dan tidak perasan bahawa dia sedang diperangkap dan diperbodoh-bodohkan, juga dengan memaklumkan bahawa ulama-ulama besar telah menyetujui fahaman mereka.
- (7). *At-Ta'sisi* atau *at-Talbis*, yaitu usaha mengasuh dan menjadikan orang yang diseru yakin bahawa syariat itu mempunyai zahir dan batin. Zahirnya merupakan kulit yang hanya perlu bagi orang awam dan batinnya pula merupakan isi yang hanya dapat diketahui menerusi ketua-ketua mereka yang terpilih.
- (8). *Al-Khala'* dan *as-Salakh min ad-Din*, yaitu usaha penyeru bagi meyakinkan yang diseru agar hanya berpegang kepada batin saja, ertinya jika sudah mengetahui yang batin, maka yang zahir tidak perlu dilakukan dan gugurlah kewajipan melakukan amalan yang zahir serta bolehlah melakukan segala yang diharamkan.

- (9). *Al-Insilakh min ad-Din Kullih*, iaitu usaha menjadikan seseorang yang diseru agar tidak lagi mengamalkan semua amalan yang zahir yang disyariatkan di dalam agama dan dengan itu dia tidak lagi terikat dengan mana-mana hukum syariat, dan dengan itu juga sampailah tarafnya kepada taraf kebebasan serta menafikan semua ajaran dan hukum syara'. (*Kasysyaf Istilâhat al-Funun*, 2:669-670, *Al-'Akidah al-Bathiniyah*, mks.80-87 dan *al-'Akidah al-Islamiyah*, hal.604-606 dengan pindaan).

Kedudukan al-Bathiniyah

Pada keseluruhannya di sebalik niat dan rancangan jahat orang-orang al-Bathiniyah menerusi akidah dan helah mereka itu, mereka telah berselindung di sebalik nama Islam, seperti dengan membaca al-Qur'an, bersembahyang, berpuasa dan berhaji. Juga dengan menunjuk-nunjukkan kecintaan terhadap Ahlulbait. Di samping itu mereka amat kuat menyembunyikan rahsia mereka dan mereka juga mengambil sumpah setia daripada orang-orang yang dapat mereka pengaruhi.

Akan tetapi pada masa yang sama mereka tidak mahu menyahut seruan para ulama dan *fuqaha'*. Mereka hanya mengambil jalan mudah dengan mencari-cari orang-orang jahil sebagai sasaran dakwah mereka, begitu juga orang-orang kaya yang lalai dan orang-orang kenamaan yang gila kuasa. Mereka juga memakai nama-nama seperti nama Hasan, Husain dan Ali dan dengan inilah mereka memperdaya sesetengah orang Islam. (*Dr. Suhail Zikar, al-Jami' fi Akhbar al-Qaramithah*, hal.297).

Imam Abdul Qahir bin Thahir al-Asfiraini *Rahimahullah* ketika membicarakan puak al-Bathiniyah dengan tegas menjelaskan bahawa bahaya puak al-Bathiniyah berbanding

dengan golongan-golongan yang terdapat di kalangan umat Islam adalah lebih besar daripada bahaya Yahudi, Nasrani dan Majusi, bahkan lebih besar bahayanya kepada mereka berbanding bahaya daripada kaum Dahriyah dan segala jenis kekufuran lain. Bukan itu saja, bahkan lebih besar bahayanya kepada mereka berbanding bahaya Dajjal yang akan muncul di akhir zaman, kerana orang-orang yang sesat daripada agama disebabkan dakwah puak al-Bathiniyah sejak kemunculan mereka sehingga hari ini adalah lebih ramai berbanding orang-orang yang sesat dengan sabab fitnah Dajjal ketika kemunculannya, di mana tempoh fitnah Dajjal hanya berlaku selama tidak lebih empat puluh tahun, sedangkan kekejian al-Bathiniyah lebih banyak daripada bilangan pasir dan hujan. (*Al-Farq bain al-Firaq, hal.282*)

Beliau juga menegaskan dengan berkata:

“Dakwah al-Bathiniyah muncul pada zaman al-Ma'mun daripada Hamdan Qirmith dan Abdullah bin Maimun al-Qaddah. Puak al-Bathiniyah tidak termasuk salah satu golongan Islam, tetapi ia adalah sebahagian puak Majusi.” (*Al-Farq bain al-Firaq, hal.22*).

Berdasarkan akidah dan *ta'wilan* mereka terhadap syariat, termasuklah akidah tidak wajib lagi melakukan amalan syariat jika telah sampai ke tahap tertentu, adalah tepat apa yang ditegaskan oleh Imam al-Asfiraini itu dan ini diperkuatkan lagi dengan pandangan ulama bahawa sesiapa yang telah berfahaman dengan sengaja bahawa sembahyang fardhu yang lima, zakat, puasa, haji dan kewajipan-kewajipan yang *qath'i* yang lain, tidak wajib ke atasnya, maka dia dianggap telah terkeluar daripada Islam, dan inilah salah satu ajaran al-Bathiniyah. Dengan itu kedudukan mereka adalah di luar Islam.

Imam Abdul Qahir berkata:

“Pendapat yang sah di dalam pandanganku tentang agama al-Bathiniyah, bahawa mereka itu adalah Dahriyah dan Zindik, kerana mereka berkata bahawa alam ini adalah qadim dan mereka juga mengingkari para rasul dan semua syariat....”
(*Al-Farq bain al-Firaq, hal.294*).

Pengaruh al-Bathiniyah Di Negara Brunei Darussalam

Dengan merujuk kepada nama-nama puak al-Bathiniyah, seperti al-Qaramithah, Syiah dan Ismailiyah, kemudian mengaitkannya dengan kumpulan atau orang perseorangan seperti al-Bathiniyah itu di Negara Brunei Darussalam, maka penulis berpendapat - berdasarkan maklumat dan kajian awal - bahawa kumpulan yang menggunakan nama al-Bathiniyah tidak wujud secara langsung di Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, adalah tidak dinafikan sesetengah daripada ciri fahaman al-Bathiniyah yang berselindung di sebalik nama-nama fahaman lain terdapat pada segelintir orang akibat terpengaruh oleh orang luar dengan sebab-sebab tertentu, seperti disebabkan keinginan memasuki tarikat, terpengaruh dengan kebolehan seseorang mengubati atau menyembuhkan penyakit, khasnya ‘penyakit ganjil’ atau terpengaruh kerana sesuatu yang luar biasa daripadanya. Dari sini timbul keinginan untuk mempelajari sesuatu daripada orang berkenaan.

Penulisan kertas ini hanya membataskan tentang ajaran atau amalan seperti al-Bathiniyah di negara ini, kerana ajaran atau amalan-amalan puak-puak sesat itu sukar dikesan, dan sentiasa menjadi rahsia kepada kumpulan itu, bahkan sesiapa yang melanggar pantang larang itu akan diancam oleh bahaya. Persoalannya bagaimana ajaran itu wujud? Sejauh mana

orang-orang yang terpengaruh dengan ajaran ini, kerana erti pengaruh itu ialah adanya suatu kekuatan batin (dalam kes ini amalan seperti al-Bathiniyah itu) telah meninggalkan kesan kepada orang lain.

Orang-orang Islam sentiasa diperingatkan oleh agama bahawa perkara-perkara yang merosakkan akidah itu sama ada dalam bentuk menyesatkan seperti mempercayai adanya kiblat lain selain daripada Ka'bah, atau menta'wilkan ayat-ayat Al-Qur'an yang tidak lazim ditafsirkan oleh ahli-ahli tafsir yang mu'tabar seperti mentafsirkan (menterjemahkan) ayat بِسْمِ اللّٰهِ dalam surah al-Fatihah diselewengkan menjadi maknanya: "Iaitu Allah Ta'ala membersihkan cahaya diriNya (Nur Haq Sah Yang Suci)" sedangkan ahli-ahli bahasa Arab, sebelum menafsirkan sebagaimana menurut ulama tafsir pun tidak mentafsirkan sedemikian itu, kerana makna بِسْمِ اللّٰهِ itu sebagaimana yang difahami umum (yakni diterjemahkan) ialah "Dengan Nama Allah".

Contoh penterjemahan di atas ini tidak termasuk contoh-contoh tafsiran (terjemahan) ayat-ayat al-Fatihah keseluruhannya. Mentafsirkan yang sedemikian itu sudah cukup seseorang itu dianggap menyeleweng. Maka ajaran al-Bathiniyah pun demikian juga. Jika ada ajaran secara kebatinan, walaupun sedikit sudah cukup untuk dicap atau dianggap seseorang itu sesat, menyeleweng atau boleh membawa rosak akidahnya (murtad).

Perkara akidah adalah perkara yang sangat besar, ia menyangkut di antara batas-batas iman dan kufur. Tidak boleh 'main-main'. Paling kurang dihukumkan kepada hukum berdosa.

Dalam hubungan ini walaupun tidak diketahui sejauh mana pengaruh ajaran atau amalan seperti al-Bathiniyah itu di Negara Brunei Darussalam namun kesannya ada, terutama apabila ditemui

sebuah risalah yang bertajuk: “Tuntutan Jalan Kepada Peringatan Awal Wasiat Syarif-Syarif”. Risalah ini dijumpai di atas kubur yang dianggap “keramat” pada sekitar Mei/Jun 1998. Akhirnya risalah ini telah sampai ke pengetahuan pihak berkuasa agama di Brunei Darussalam.

Risalah ini sesat dan menyesatkan, kerana mengandungi ajaran al-Bathiniyah termasuk juga dasar-dasar *wihdatul-wujud*. Golongan al-Bathiniyah sebenarnya bukanlah golongan Islam, walaupun ia mengaitkan dirinya dengan Islam.

Dengan adanya risalah: “Tuntutan Jalan Kepada Peringatan Awal Wasiat Sharif-Sharif” ini menunjukkan ajaran atau amalan seperti al-Bathiniyah wujud di Negara Brunei Darussalam.

Kesusahan para pengkaji untuk mengetahui perkembangan suatu amalan sesat itu termasuk amalan seperti al-Bathiniyah ialah di mana para ketua atau pemimpinnya menasihati para pengikutnya supaya merahsiakan ilmu-ilmu al-Bathiniyah atau ilmu-ilmu yang menyesatkan itu kepada orang lain. Bahkan kalau dilanggar juga boleh mendatangkan mala petaka atau kecelakaan.

Di antara contoh-contoh amalan sesat:

(1) Ilmu Pancar:

- (i) Pengasasnya memaklumkan kepada murid-muridnya bahawa jika mereka yang telah mencapai tahap atau status yang tinggi, maka untuk menurunkan kembali status mereka itu, mereka harus minum minuman keras (arak).

(Peringatan: Sebarang maksiat boleh menurunkan martabat keimanan dan ketaqwaan seseorang itu).

- (ii) Zat Allah dan zat manusia adalah sama. Tetapi manusia mestilah mengurangkan zatnya bagi membezakan dengan zat Allah. Jadinya apa yang perlu dibuat oleh manusia untuk mengurangkan persamaan itu ialah dengan melakukan maksiat.
- (iii) Sembahyang itu tujuannya mengingati Allah, sesiapa yang sentiasa mengingati Allah, walaupun ia berada di kelab-kelab adalah sama perbuatan tersebut dengan sembahyang.

(2) Ajaran Silat Lintau:

Ajaran ini mendakwa bahawa kiblat dalam sembahyang ada empat (4) kiblat menurut hakikat iaitu:

- (i) Kiblat di Ka'bah.
- (ii) Kiblat tikar sembahyang.
- (iii) Kiblat dalam diri.
- (iv) Kiblat kepada Allah.

(3) Al-Ma'unah:

“Persaudaraan Ilmu Dalam al-Ma'unah Malaysia Seni Bela Diri Warisan Islam (Sumber Kekuatan Batin)” atau lebih dikenali dengan al-Ma'unah mempunyai polanya yang tersendiri. Akan tetapi persoalan al-Ma'unah di Negara Brunei Darussalam tidak sama dengan apa yang dihadapi di Semenanjung Malaysia, kerana ia baru diperingkat perdukunan, mengubati orang-orang yang bermasalah. Namun jika perkara ini tidak diketahui umum dengan sebab Peristiwa Sauk, Perak, mungkin masalah-masalah akidah akan lebih ‘serious’. Contohnya, di antara amalan-amalan

al-Ma'unah itu (sebagaimana yang di dapati dalam sebuah risalahnya):

Perkataan di dalam doa mereka yang berbunyi: *“Aku memohon perlindungan agar setiap yang memusuhi diriku kembali pada orang marah, orang mati, syaitan marah, syaitan mati, iblis marah, iblis mati, hantu marah, hantu mati, gajah marah, gajah mati, segala marah segala mati, kerana pertolongan Allah, berkat La Ilaha Illahah,”* 13 X hentak perut.

Ulasan:

Perkataan ini sangat mengelirukan kerana kumpulan al-Ma'unah di samping “kerana pertolongan Allah” meminta perlindungan juga selain daripada Allah. Sedangkan pada hakikatnya kita sebagai hamba Allah wajib memohon perlindungan hanya kepada Allah semata-mata seperti ucapan (أعوذ بالله من الشيطان الرجيم).

Pengalaman telah mengajar bahawa pada peringkat awal para pengasas atau pemimpin suatu kumpulan sesat itu tidak menunjukkan sesuatu yang bertentangan dengan syara'. Pengikut-pengikut atau peminat-peminatnya hanya berhajat kepada perubatan - lazim pengasasnya memulakan “dakwahnya” dengan hal-hal perbomohan atau perdukunan - kerana melihat keberkesanan dan kesembuhan para pesakit, lebih-lebih lagi pengasasnya telah menunjukkan perkara-perkara yang luar biasa. Perkara-perkara yang ganjil, hal ini sangat menarik dan mempengaruhi orang-orang yang jahil. Maka setakat yang dapat dikesani di Negara Brunei Darussalam bahawa al-Ma'unah mendakwa:

- (i) Dapat menggunakan kuasa-kuasa ghaib pada bila-bila masa yang diperlukan.
- (ii) Menggunakan pergerakan berdasarkan kaedah pernafasan, jurus-jurus yang membangkitkan tenaga dengan secara semula jadi, kononnya akan lebih luar biasa dan orang yang mengamalkannya akan memperolehi kekuatan keramat yang besar.

Ulasan:

(i) Menggunakan kuasa ghaib bererti . ada hubungan mengetahui juga perkara ghaib. Perkara-perkara ghaib itu urusan Allah hanya diketahui melalui perkhabaran daripada Allah atau RasulNya (Al-Qur'an dan Hadis) akan kedua-duanya.

Membincangkan perkara-perkara ghaib sama ada boleh atau tidak, menggunakannya atau hanya untuk mengetahuinya sahaja tanpa sandaran syara', boleh menjerumuskan akidah seseorang itu kepada kesesatan. Perkara ghaib itu di luar kuasa dan pengetahuan manusia melainkan jika Allah menghendaknya untuk disampaikan perkara ghaib itu kepada manusia pilihanNya yang terdiri daripada nabi-nabi dan rasul-rasul, perkara ini jelas berdasarkan firman Allah:

عَالِمُ الْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَيْهِ أَحَدًا إِلَّا مَنْ ارْتَضَىٰ مِنْ رَسُولٍ فَإِنَّهُ يَسْأَلُكُم مِّن بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِمَّنْ خَلْفَهُ رِصْدًا

(سورة الجن: ٢٦-٢٧)

Tafsirnya: “Tuhan sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka Dia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahuiNya itu kepada sesiapaupun melainkan kepada mana-mana rasul yang diredhaiNya (untuk mengetahui

sebahagian daripada perkara ghaib yang berkaitan dengan tugasnya; apabila Tuhan hendak melakukan demikian) maka Dia mengadakan di hadapan dan di belakang rasul itu malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawasnya (sehingga perkara ghaib itu selamat sampai kepada yang berkenaan).”

(Surah al-Jinn: 26-27)

Dan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* lagi di dalam surah An-Naml:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ

(سورة النمل: ٦٥)

Tafsirnya: “Katakanlah lagi: “Tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah!” Dan tiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula (sesudah mati).”

(Surah an-Naml: 65)

Rasulullah sendiri telah menyatakan bahawa Baginda tidak mengetahui sebarang perkara ghaib. Jika Baginda mengetahui perkara ghaib itu, nescaya Baginda akan mengumpulkan segala kebaikan dan sudah setentunya dapat menolak kesusahan. Ini ada diceritakan di dalam Al-Qur'an, sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

قُلْ لَا أَمْلِكُ لِنَفْسِي نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ وَلَوْ كُنْتُ أَعْلَمُ الْغَيْبَ لَأَسْتَكْتَرْتُ مِنَ الْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِيَ السُّوءُ إِنْ أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

(سورة الأعراف: ١٨٨)

Tafsirnya: “Katakanlah: “Aku tidak berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku dan tidak dapat menolak mudarat kecuali apa yang dikehendaki Allah. Dan kalau aku mengetahui

perkara-perkara ghaib, tentulah aku akan mengumpulkan dengan banyaknya benda-benda yang mendatangkan faedah dan (tentulah) aku tidak ditimpa kesusahan. Aku ini tidak lain hanyalah (Pesuruh Allah) yang memberi amaran (bagi orang-orang ingkar) dan membawa berita gembira bagi orang-orang yang beriman.”

(Surah Al-A'raf: 188)

(ii) Adapun menggunakan pergerakan dengan kaedah pernafasan, amalan ini lebih mirip kepada Yoga. Amalan Yoga ditolak oleh Islam, kerana ia suatu sistem gerak badan dalam agama Hindu untuk menghening-cipta, menenangkan fikiran dan lain-lain. Yoga juga bererti menunjukkan gabungan jiwa individu dengan roh yang tinggi (Supreme Spirit).

Tentang penemuan atau hasil yang luar biasa itu jika ia terjadi dan menjadi kadang-kadang menjurus kepada *istidraj*.

Apa erti *istidraj*? Ulama memberi makna *istidraj* itu ialah umpan untuk mengeluarkan seseorang dari garis lurus kebenaran dengan tidak disedari. Diperturut apa-apa yang dia mahu dan dibukakan segala pintu sehinggalah dia lupa diri, yang akhirnya membawa jauh tersesat dan datang azab sekonyong-konyong

... *Berkata Abu Yazid Rahimahullah: “Jika kamu melihat atau mengetahui seseorang diberikan keramat seperti terbang di udara, menghidupkan orang mati dan menyingkatkan perjalanan yang jauh, sehinggalah dia boleh duduk bersila di udara, maka janganlah kamu tertipu dengannya, jangan kamu I'tiqadkan kewaliannya dan dekatnya kepada Allah, kerana perkara itu boleh jadi istidraj daripada Allah. Sehinggalah kamu dapat mengenalinya bagaimana dia melaksanakan suruhan, larangan dan memelihara hukum-hukum Allah dan bagaimana dia mengamalkan syariat.”*

Sengaja penulis menyentuh perkara *Istidraj* ini kerana lazimnya orang-orang - khasnya orang-orang jahil - akan terpesona dan terpikat dengan perkara-perkara luar biasa. Dari sini para pengasas atau pemimpin suatu ajaran sesat itu akan mengambil kesempatan dengan kejahilan mereka. Proses 'memikat' dengan cara menunjukkan perkara-perkara luar biasa itu berlaku juga kepada gerakan al-Bathiniyah.

Kriteria-Kriteria Ajaran Sesat

Untuk mengenal suatu ajaran itu sesat, menyeleweng, bahkan boleh rosak akidah (murtad) seperti ajaran al-Bathiniyah, Ingkar Sunnah, maka kriteria-kriteria berikut bolehlah dijadikan sebagai garis panduan:

- (i) Kepercayaan kepada mana-mana salah satu daripada rukun-rukun iman atau asas akidah secara yang bertentangan dan tidak selaras dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti mempercayai Ali bin Abu Thalib sebagai nabi, mempercayai ada kitab lain yang menyaingi atau memansuhkan kitab suci al-Qur'an, atau mempercayai kandungan kitab suci al-Qur'an bukan 30 juz, bahkan lebih dan yang lebih itu hilang atau dihilangkan, mempercayai adanya kiblat lain selain daripada Ka'bah dan seumpamanya.
- (ii) Mempertikaikan kebenaran al-Qur'an atau al-Hadis.
- (iii) Mana-mana ketua kumpulan atau sebarang orang yang mendiayahkan dirinya sendiri atau orang lain sebagai nabi terakhir, Nabi Isa *Alaihissalam*,

Imam al-Mahdi al-Muntazhar atau lain-lain istilah yang seumpamanya.

- (iv) Selain kepercayaan kepada agama Islam, percaya juga kepada penyatuan beberapa agama tersebar di dunia sebagai agama yang sepatutnya menjadi anutan kepada umat manusia.
- (v) Mengadakan pendapat baru yang bertentangan dengan akidah dan syariah yang diasaskan kepada dalil *qath'i* dan tidak boleh dipertikaikan. Sebagai contoh menghapuskan kewajipan-kewajipan seperti kewajipan berjihad, sembahyang Jumaat, puasa bulan Ramadhan atau menunaikan fardhu haji ke Makkah.
- (vi) Pendewaan diri atau pemimpin atau pengasas kepada suatu kumpulan ajaran tersebut secara yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti memastikan dirinya atau gurunya boleh menebus dosa, boleh berkahwin lebih daripada empat dalam satu masa atau boleh menghadirkan roh (*tahdhir al-arwah*) atau boleh memanggil malaikat.
- (vii) Menafsir dan menghuraikan al-Qur'an atau hadis mengikut sesuka hati.
- (viii) Cara beramal dengan ber'tarak' (bertapa) serta pemilihan beramal di tempat-tempat seperti 'wasai' (air terjun), bukit, gunung dan hutan belantara sedangkan zaman sekarang ini boleh menjadi pertanda atau kerenah bahawa cara beramal sedemikian atau pemilihan tempat-tempat

itu menunjukkan pengamalnya sangat-sangat meragukan (biasanya menyesatkan). Perkara '*Uzlah*' tidak termasuk di bawah kategori ini.

Cadangan:

Mempercayai rukun-rukun iman dan dasar-dasar akidah dan syariat adalah menjadi asas penentu kesahihan seseorang itu sebagai mu'min. Kepercayaan yang menyeleweng boleh membawa sesat atau boleh mengeluarkan seseorang Islam daripada akidahnya, dalam makna boleh menjadikannya murtad. Oleh kerana itu orang-orang Islam sejak kecil lagi wajib dikenalkan rukun serta asas-asas iman dan syariat, demikian juga mengenalkan perkara-perkara yang boleh menyesatkan, supaya orang-orang Islam selamat daripada yang menyesatkan. Berikut ini beberapa cadangan boleh menjadi asas bagaimana menyelamatkan dan memandu akidah umat Islam:

1. Mengenalkan seawal mungkin kepada penuntut-penuntut sekolah melalui kurikulum pelajaran mengenai aliran al-Bathiniyah dan aliran-aliran lain yang menyesatkan dengan membawakan contoh-contoh yang berlaku dalam masyarakat tempatan.
2. Mengenalkan seawal mungkin kepada penuntut-penuntut sekolah melalui kurikulum pelajaran dan kepada orang ramai mengenai perbezaan asas di antara akidah Ahli Sunnah wal Jamaah dengan aliran-aliran yang mendakwa dirinya sebagai Islam seperti Ismailiyah, Nusairiyah Druz, Qadianiyah (Ahmadiyah) al-Babiyah, Bahaiyah demikian juga aliran-aliran yang menyesatkan yang mendakwa dirinya Islam (yang sebenarnya aliran-aliran tersebut di atas bukan Islam).

3. Mengenalkan seawal mungkin kepada penuntut-penuntut sekolah melalui kurikulum pelajaran dan kepada orang ramai mengenai akidah Ahli Sunnah wal Jamaah dengan aliran-aliran yang bukan Ahli Sunnah wal Jamaah seperti Syi'ah, Zaidiyyah dan Khawarij.
4. Menyebarkan maklumat yang berterusan kepada orang ramai dengan sejelas-jelasnya mengenai suatu ajaran sesat dan perkara (1) (2) dan (3) di atas melalui pendidikan non-formal, ceramah-ceramah, khutbah-khutbah Jumaat, taklimat, media-media atau mana-mana cara-cara yang sesuai dan berkesan seperti akhbar, majalah, kaset, pita video, risalah dan Televisyen.
5. Menjelaskan kepada orang ramai dengan sejelas-jelasnya melalui saluran di para (4) di atas mengenai perbezaan di antara 'Keramat dengan *Istidraj*', atau khasnya perkara-perkara yang pelik dan yang luar biasa yang terbit daripada bomoh atau dukun, ahli silat dan ahli seni mempertahankan diri supaya jelas apa yang dilihat ganjil dan luar biasa itu sebenarnya adalah *Istidraj* bukan keramat.
6. Meningkatkan kegiatan-kegiatan dakwah bagi menjamin keberkesanan penjelasan kepada orang ramai mengenai akidah Ahli Sunnah wal Jamaah dengan apa jua cara yang difikirkan berkesan.

Penutup:

Salah satu fahaman al-Bathiniyah yang menyesatkan dan paling merbahaya ialah fahaman "tidak perlu lagi melakukan amalan syariat yang zahir, jika telah sampai - mengikut anggapannya - ke tahap sudah mengetahui ilmu-ilmu batin syariat".

Demikian juga perkara luar biasa yang terbit daripada seseorang yang menganggap dirinya ‘wali’, boleh memanggil malaikat, mengetahui perkara-perkara ghaib, menghadirkan roh atau seumpamanya, kerana ini menjadi perangkap kepada ajaran sesat.

والله ولي التوفيق
وصلی الله علی سیدنا محمد وعلی اله وصحبه اجمعین
والحمد لله رب العالمین

Tarikh: 08hb. Jamadilakhir, 1421.
07hb. September, 2000.

Rujukan.

1. Asy-Syahrastani,
al-Milal wa an-Nihal.
Dar al-Fikr,
Lubnan.
2. Al-Asfiraini,
al-Farq bain al-Firaq,
al-Maktabah al-'Ashriyah,
Bairut. 1411/1991.
3. At-Tahanawi,
Kasysyaf Istilahat al-Funun,
Dar Sadir.
4. Sabir Tha'imah, Dr.,
al-'Aqa'id al-Bathiniyah,
al-Maktabah ats-Tsaqafah,
Bairut.1411/1991
5. Abdul Rahman Hasan Jinkat al-mindani
Al-'Akidah al-Islamiyah wa Ususuha,
Dar al-Qalam.
6. Al-Maqrizi, Ahmad bin Ali,
al-Khitat al-Maqriziyah.
Maktabah ats-Tsaqafah ad-Dniyah,
Kaherah.
7. Ibn Khaliqan, Ahmad bin Muhammad,
Wafayat al-A'yan,
Dar Sadir,
Bairut.
8. Al-Mas'udi, Ali bin al-Husain,
Muruj az-Zahab,
Dar al-Fikr,
Bairut.
9. Ibn Atsir,
al-Kamil fi at-Tarikh,
Dar Sadir,
Bairut.

10. Suhail Zikar, Dr.,
al-Jami' fi Akhbar al-Qaramithah,
Dar Hassan,
Damsyiq. 1408/1987.
11. Abdul Mun'im al-Hifni,
al-Mu'jam al-Falsafi
ad-Dar asy-Syirqiyah,
Mesir.
12. Wajdi, Muhammad Farid,
Da'irat Ma'arif al-Qarn al-'Isyrin,
Dar al-Fikr.
13. Ibn Manzur,
Lisan al-'Arab,
Dar Sadir,
Bairut.
14. Abu Zahrah,
al-Mazahib al-Islamiyah,
al-Matba'ah an-Namuzajiyah.
15. Da'irat al-Ma'arif al-Islamiyah.
16. Ensiklopedi Nasional Indonesia.
17. Kamus al-Marbawi.
18. Kamus al-Munawwir.
19. Abu Hamid al-Ghazali
Fadha'eh al-Bathiniyah
Al-Maktab -ats-Tsaqafie.
20. AbdulFatah Haron Ibrahim
Ajaran Sesat
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Kuala Lumpur 1987.